

| | | | |
|------------|------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | FRIM perlu tingkat kemudahan | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 16 Jan 2012 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 324,097 |
| Page No | 24 | Readership | 1,981,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 189 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,435 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 16,304 |



FRIM perlu tingkat kemudahan

KEPONG: Pengunjung Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), di sini mahu pengurusan institut itu lebih peka kepada keperluan mereka, khususnya yang kerap berkunjung untuk melakukan aktiviti riadah bersama keluarga dan rakan.

Selain enggan caj masuk dinaikkan seperti dilaporkan Jumaat lalu apabila pengguna basikal tiba-tiba dikenakan RM10 iaitu kenaikan sebanyak RM7, mereka juga sepakat mahu kawasan rekreasi hutan simpan berkenaan ditambah baik dengan mempelbagaikan kemudahan sedia ada.

Kakitangan Perbankan, Mohammad Reza Izzat, 35, berkata dia lega apabila pengurusan Frim menurunkan kembali caj pengguna basikal kepada harga asal (RM3) dan sangat berharap ia berkekalan kerana gemar beriadah di situ.

“Saya memang selalu berbasikal di sini, malah ketika minggu lalu apabila rakan memberitahu caj masuk sudah dinaik-

kan, kami sangat terkejut tapi mujur juga pengurusan cepat menurunkan kadar kepada asal, kerana tak wajar jika pengguna basikal dikenakan caj lebih.

“Ambil contoh taman lain yang menyediakan kemudahan begini antaranya Putrajaya Challenge Park, kerana ada pondok di setiap ‘checkpoint’, malah menyediakan perkhidmatan mencuci basikal berbayar. Cara itu lagi menarik ramai pengguna basikal ke mari,” katanya.

Pekerja swasta, Fauziah Kaulan, 41, berkata sejak lima tahun lalu dia gemar membawa empat anaknya beriadah di FRIM dan mereka selalu melakukan aktiviti bersama terutamanya jogging dan sesekali berbasikal.

Berikutan itu, katanya sudah masanya pihak FRIM menambah beberapa infrastruktur yang menyenangkan pengunjung dan mula menambah aktiviti bagi menggalakkan ramai pengunjung sekali gus mereka berpeluang menghargai keindahan alam sekitar ciptaan Tuhan yang kaya dengan flora dan fauna.



REZA...lega caj berbasikal harga asal



FAUZIAH...tambah baik kemudahan